

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1988/89

ZSE 261/2 - Geologi I

Tarikh: 1 November 1988

Masa: 9.00 pagi - 11.00 pagi
(2 jam)

Jawab MANA-MANA EMPAT soalan sahaja.
Kesemuanya wajib dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

1. (a) Perihalkan, dengan bantuan lakaran-lakaran yang sesuai, struktur atom dalaman bagi inosilikat dan filosilikat.
Namakan satu mineral umum bagi SETIAP struktur yang diperihalkan.
(60/100)
- (b) Huraikan kumpulan feldspar, termasuk ketiga-tiga komponen mineral utamanya.
Bincangkan apakah yang boleh disimpulkan mengenai sejarah sesuatu sedimen atau batu sedimen yang mengandungi banyak feldspar.
(40/100)
2. Apakah yang dimaksudkan oleh "tekstur" batu?
Huraikan tekstur-tekstur batu sedimen.
Bincangkan bagaimana sejarah pengangkutan dan pengendapan batu sedimen boleh diketahui daripada tekstur-teksturnya.
(100/100)
3. (a) Bincangkan ketiga-tiga kriteria mineralogi utama untuk pengkelasan batu igneus.
(Jadual pengkelasan tidak diperlukan).
(50/100)
- (b) Huraikan proses-proses yang terlibat di dalam metamorfisma kawasan serta hasil-hasil daripadanya.
(50/100)
4. (a) Sesuatu ketakselarasan melambangkan suatu siri peristiwa geologi. Bincangkan.
Perihalkan tiga jenis ketakselarasan.
(60/100)

- (b) Bincangkan mekanisma perlipatan fleksur dan perlipatan ricihan. (40/100)

5. Tulis nota-nota ringkas mengenai:-

- (a) Diagenesis (40/100)
- (b) Siri tindakbalas Bowen (40/100)
- (c) Fosil Penunjuk (20/100)

- ooo0ooo -